

Shah Alam

Tanah jirat Cina milik persendirian

Pemeriksaan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mendapati tapak pembinaan jirat Cina di atas bukit di kawasan seluas 80 hektar di Kampung Felda Bukit Cerakah di sini, adalah tanah milik persendirian.

Malah berdasarkan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor (RTMDKS) 2025, kawasan itu dizonkan untuk kegunaan Tapak Perkuburan Bersepadu bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan utara Selangor.

Pemangku Setiausaha MDKS, Mohamad Yusli Askandar berkata, cadangan pemohon untuk membangunkan kawasan tanah terbabit sebagai Tapak Perkuburan Bersepadu selaras dengan zon guna tanah yang ditetapkan dalam RTMDKS 2025.

“Tanah itu milik persendirian dan mereka sudah membuat permohonan bagi membangunkannya sebagai tapak perkuburan.

“Permohonan mereka juga selaras dengan zon guna tanah yang sudah ditetapkan,” katanya mengulas mengenai bantahan penduduk kampung itu dan sekitar kelmarin.

Akhbar ini semalam melaporkan penduduk kawasan itu membantah cadangan pembinaan kawasan perkuburan Cina di situ kerana ia akan menimbulkan pelbagai masalah.

Bantahan itu dilakukan 200 penduduk Kampung Felda Bukit Cerakah dan mereka menyifatkan pihak pengurusan jirat itu tidak sensitif dengan penduduk setempat.